

Tarikh Dibaca: 27 OKT 2023M | 12 RABI'UL AKHIR 1445H



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

**“DUNIA SEMENTARA, AKHIRAT
SELAMANYA”**

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



"DUNIA SEMENTARA, AKHIRAT SELAMANYA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: أَعْلَمُوا أَنَّما الْحَيَوةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهُوَ وَزِينَةٌ
وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ...¹

أَشْهَدُ أَنْ لا إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلا
تَمُوتُنَّ إِلاَّ وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.

¹ Al-Hadid : 20.

² ali-Imran : 102.



Khatib ingin mengajak para jemaah sekalian untuk sama-sama menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk **"DUNIA SEMENTARA, AKHIRAT SELAMANYA"**

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Allah SWT berfirman dalam surah al-Ankabut, ayat 64 mengingatkan manusia tentang kehidupan dunia yang maksudnya:

"Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi segala kesenangan dan kemewahannya, jika dinilai dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya; kalaulah mereka mengetahui (hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan hari akhirat)."

Ayat ini mengajarkan kepada kita hakikat sebenar kehidupan di dunia. Suatu kehidupan yang diumpamakan seperti kesenangan yang sedikit atau kesenangan yang menipu jika dibandingkan dengan kehidupan akhirat. Satu hari di akhirat bersamaan dengan seribu tahun di dunia. Umur umat Nabi Muhammad pula antara 60 tahun hingga 70 tahun sahaja. Tempoh hidup di alam barzakh lebih lama berbanding tempoh hidup di dunia. Umat-umat terdahulu, banyak daripada kalangan mereka yang mendustakan para rasul lalu di manakah mereka sekarang? Sekarang mereka sedang berada di alam barzakh dan sedang 'menikmati' apa yang telah mereka lakukan dalam kehidupan dunia yang lalu.

Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Lantaran itu, Allah SWT beritakan kepada kita seperti yang dinukilkan dalam kitab Tafsir al-Munir Juzuk 17 dirujuk kepada mafhum ayat 112 hingga 114 Surah al-Mukminun mengenai dialog Allah dengan orang kafir selaku penghuni neraka dengan mafhum firman Allah SWT:



Allah bertanya lagi (kepada mereka yang kafir itu): "Berapa tahun lamanya kamu tinggal di bumi?" Mereka menjawab: "Kami tinggal (di dunia) selama sehari atau sebahagian dari sehari; maka bertanyalah kepada golongan (malaikat) yang menjaga urusan menghitung. Allah berfirman: "Kamu tidak tinggal (di dunia) melainkan sedikit masa sahaja, kalau kamu dahulu mengetahui hal ini (tentulah kamu bersiap sedia)."

Maka berbaloikah kita melakukan kederhakaan kepada Allah SWT dalam kehidupan yang singkat ini!? Tepuk dada, tanyalah iman.

Luqman al-Hakim pernah memberikan nasihat dengan katanya:

"Belilah akhiratmu dengan duniamu."

Satu nasihat mengenai perniagaan yang bermodalkan dunia, iaitu tukarlah duniamu dengan akhiratmu, engkau akan beruntung, dapat keduanya, sebaliknya:

"Jangan sampai engkau jual akhiratmu untuk mendapatkan kenikmatan dunia."

Engkau akan rugi keduanya. Nasihat Luqman itu jika di hayati memang benar, bahawa taat kepada Allah adalah kunci seseorang dalam meraih kejayaan. Kejayaan ini tentu tidak hanya diukur dengan nilai kebendaan, melainkan lebih kepada balasan daripada Allah SWT di akhirat kelak. Dengan itu ingatlah wahai saudaraku sekalian, belilah akhiratmu dengan menjual duniamu. Kita akan untung kedua-duanya. Allah SWT berfirman dalam surah al-Qasas ayat 77:



وَأَبْتِغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ
الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ
اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

"Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah) dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan."

Ayat ini menunjukkan bahawa Allah SWT memerintahkan kita supaya mengutamakan akhirat daripada dunia. Manakala Rasulullah SAW pula mengingatkan dalam hadis, khusus kepada manusia yang menjadikan dunia ini sesuatu yang besar di hatinya melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Zaid bin Tsabit Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَانَتْ الدُّنْيَا هَمَّهُ، فَرَّقَ اللَّهُ عَلَيْهِ أَمْرَهُ، وَجَعَلَ
فَقْرَهُ بَيْنَ عَيْنَيْهِ، وَلَمْ يَأْتِهِ مِنَ الدُّنْيَا إِلَّا مَا كُتِبَ لَهُ، وَمَنْ
كَانَتْ الْآخِرَةُ نِيَّتَهُ، جَمَعَ اللَّهُ أَمْرَهُ، وَجَعَلَ غِنَاهُ فِي قَلْبِهِ،
وَأَتَتْهُ الدُّنْيَا وَهِيَ رَاغِمَةٌ

"Siapa yang dunia menjadi keinginan terbesar di hatinya, maka Allah akan cerai beraikan urusannya. Dan Allah jadikan kefakiran di antara kedua matanya. Dan dunia tidak mendatangnya kecuali yang dituliskan saja untuknya. Dan siapa yang akhirat itu menjadi niat utamanya (keinginan



terbesar di hatinya akhirat), Allah akan kumpulkan urusannya, dan Allah akan jadikan kekayaan di hatinya dan dunia akan mendatangnya dalam keadaan dunia itu hina di matanya."

(Riwayat Ibnu Majah).

Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Rasulullah SAW mencela orang yang keinginan terbesar di hatinya kepada dunia. Apa yang terjadi kepada orang seperti ini? Allah akan cerai-beraikan urusannya. Apa maksudnya? Artinya Allah cerai beraikan kekuatan hamba tersebut. Orang ini akan mudah putus asa ketika ditimpa musibah. Hatinya akan penuh dengan penyakit-penyakit hati seperti cinta dunia yang berlebihan, penyakit dengki, tamak bahkan sampai peringkat menghalalkan yang haram demi untuk mendapatkan dunia. Allah berfirman dalam surah Hud ayat 15 -16 yang bermaksud:

"Sesiapa yang menginginkan kehidupan dunia dan perhiasannya, maka Kami akan membalas hasil usaha mereka di dunia dengan sempurna dan mereka tidak dikurangkan sedikitpun padanya. Mereka itulah orang yang tidak mendapat sesuatu pun pada hari akhirat kelak selain daripada azab Neraka dan pada hari itu gugurlah apa yang mereka lakukan di dunia dan batallah apa yang mereka telah kerjakan."

Pernah sahabat kesayangan Baginda iaitu Umar al-Khattab Radiallahuanhu menangis, melihat susahnyanya hidup Nabi SAW, lalu Nabi bersabda yang bermaksud:

"Aku tidak memiliki kecenderungan (kecintaan) terhadap dunia. Keberadaanku di dalam dunia seperti seorang musafir yang berteduh di bawah pohon, kemudian pergi dan meninggalkan pohon tersebut."

(Riwayat al-Tirmizi).



Manfaatkanlah peluang ini sebaiknya dengan memperbaiki diri serta memperbanyakkan bekalan untuk dibawa ke destinasi kehidupan hakiki. Kehidupan di dunia ini sifatnya fana. Setiap makhluk yang bernyawa pasti akan menemui ajalnya. Berapa lama sekalipun umur seseorang, dunia tetap akan berakhir baginya. Hakikatnya, kita semua sedang menunggu giliran untuk menuju kehidupan abadi yang akan menjemput setiap insan tanpa mengenal usia, kesihatan serta tidak dapat diduga di mana dan bilakah saat kematian mereka akan tiba.

Firman Allah SWT dalam surah Luqman ayat 34 yang bermaksud:

"Dan tiada seseorang pun yang mengetahui apa yang akan diusahakannya esok (samada baik atau jahat); dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Amat Meliputi pengetahuan-Nya."

Hadirin Jumaat yang berbahagia;

Hadis ini pula memberikan peringatan kepada kita agar tidak memperpanjang angan-angan tentang dunia. Daripada Ibnu Umar Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Rasulullah SAW memegang kedua-dua bahu saya sambil bersabda; "Hiduplah engkau di dunia seolah-olah orang asing atau pengembara." Ibnu Umar berkata: "Jika kamu berada di petang hari, jangan tunggu pagi hari, dan jika kamu berada di pagi hari jangan tunggu petang hari, gunakanlah kesihatanmu untuk (persiapan semasa) sakitmu dan kehidupanmu untuk kematianmu."

(Riwayat al-Bukhari).

Dunia seharusnya dimanfaatkan sebagai bekal menuju akhirat. Dunia umpama ladang persemaian dan akhiratlah tempat menuainya. Semailah sebanyak-banyaknya amal ibadah dan amalan soleh agar dapat



dimanfaatkan kelak sekembalinya kita ke akhirat nanti, menjadi bekalan agar selamat melepasi titian sirat. Lantaran itu, hadis di atas mengingatkan kita agar sentiasa bersedia dan memanfaatkan waktu yang ada serta jangan melengah-lengahkannya.

Dunia ini adalah jambatan yang menjadi penghubung menuju akhirat. Maka, sentiasalah bersedia sebagaimana seorang pengembara yang sedang dalam perjalanan menuju ke satu destinasi. Pasti perjalanan tersebut diawali dengan persiapan yang rapi seperti persediaan ilmu yang mantap dan bekalan yang mencukupi agar tidak tersesat dan tersasar dari landasannya serta berjaya sampai ke destinasi dengan selamat.

Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa inti pati khutbah sebagai panduan kita bersama iaitu:

1. Kita hendaklah meyakini bahawa kehidupan dunia adalah sebentar dan sementara sahaja manakala akhirat adalah negeri yang kekal abadi.
2. Kita hendaklah memastikan perjalanan kehidupan di dunia ini sentiasa terpandu untuk mendapat keuntungan di akhirat.
3. Kita hendaklah berusaha agar tidak terperangkap dengan dunia yang sifatnya menipu, penuh sandiwara dan permainan semata.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
زَيْنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ
الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ
ذَلِكَ مَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَتَابِ ﴿١٤﴾



"Dihiaskan indah pada (pandangan) manusia: Kesukaan kepada benda-benda yang diinginkan, iaitu perempuan-perempuan dan anak-anak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun dari emas dan perak; kuda peliharaan, binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga)."

(Ali-Imran ayat 14).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَا
وَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ



وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اَللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَهْلِكَ
الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَجِّ ابْنِ الْمَرْحُوْمِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَجِّ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحْحَةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَعْكُوْ اَمِيْرِ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَجِّ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكِرْمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Kekejaman di Palestin sangat menuntut erti persaudaraan Islam yang kuat dan keyakinan yang tinggi kepada Allah SWT. Untuk itu mimbar menyeru agar semua umat Islam terus berdoa kepada Allah SWT dalam setiap solat lima waktu agar keamanan dan kesejahteraan dikecapi oleh saudara kita dan tanah mereka yang dirampas dapat dikembalikan menjadi hak mereka semula.



اللَّهُمَّ يَا عَزِيزُ يَا مُنْتَقِمُ يَا جَبَّارُ، اللَّهُمَّ يَا ذَا الْجَلَالِ
وَالْإِكْرَامِ، اللَّهُمَّ إِنَّا نَشْهَدُ أَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ، الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا
أَنْتَ، الْأَحَدُ الصَّمَدُ، الَّذِي لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ، وَلَمْ يَكُنْ لَهُ
كُفُوًا أَحَدٌ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ، الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا
الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا
يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتَّتْ شَمْلَهُمْ وَفَرَّقَ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلِ
الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ، اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عَدَدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدَدًا، وَلَا
تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ عَاوَنَهُمْ،
بَأْسَكَ الَّذِي لَا يُرَدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ
فِي فَلَسْطِينَ. 2X

Ya Allah Ya Tuhan kami! Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum muslimin yang ditindas di bumi Palestin dan di mana sahaja mereka berada. Ya Allah! sayangi dan kasihilah mereka, keluarkanlah mereka dari penindasan serta kesempitan yang mereka alami selama ini. Ya Allah! Dengan kuasa-Mu Ya Allah, jadikanlah sebab perjuangan dan doa kami semua, kau kembalikan tanah mereka yang dirampas. Kau hapuskanlah kezaliman yang ada di muka bumi ini. Berikanlah keadilan kepada mereka



yang dianiaya serta dizalimi. Ya Allah! Anugerahkanlah kemenangan kepada saudara kami kaum muslimin di Palestin. Berikanlah kepada pejuang-pejuang Islam serta rakyat Palestin kekuatan serta kesabaran menghadapi kekejaman musuh. Ya Allah! Binalah semula keamanan di bumi Palestin dan kembalikannya ke pangkuan kaum Muslimin.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ، يَا جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ. اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ، إِهْزِمِ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمِهِمْ، إِهْزِمِهِمْ، وَأَنْصِرِ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

٧٤

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٣١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.